

Jumaat, 27 March 2020 | 3:03pm




FOTO hiasan.

Siasat kenaikan harga barang

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

ALOR SETAR: Kenaikan harga sayur di bandar raya ini dianggap hanya sementara berikutan harga jualan pemborong tidak sama bergantung kepada kuantiti yang dibeli peruncit termasuk cara mereka melakukan pembayaran.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah, Omar Ismail, berkata kenaikan itu tidak terlalu ketara, namun pihaknya akan membuat siasatan lanjut mengenainya.

"Kita sudah melakukan siasatan awal mengenai kenaikan harga sayur di Pasar Besar Alor Setar, tidak semua sayur ada kenaikan mendadak selain ada harga yang stabil dan turun.

“Setakat ini, beberapa peruncit memberitahu, harga barang diperoleh pada harga lebih tinggi jika mereka membeli dalam kuantiti sedikit.

“Contohnya ada peruncit beli cili besar pada harga RM8 sekilogram dan ada yang beli dengan harga RM10 sekilogram, jadi peruncit jual pada harga berbeza kepada pengguna,” katanya.

Tinjauan BH di Pasar Besar Alor Setar, hari ini mendapati hampir separuh kedai ditutup dan peniaga yang beroperasi mula menjual barangan pada harga lebih tinggi.

Antara barang mentah mengalami kenaikan setiap kilogram adalah cili besar daripada RM8 ke RM12, tomato dari RM3.50 ke RM5, timun dari RM1 ke RM3, bunga kubis dari RM4 ke RM6.50 dan sawi dari RM3 ke RM5.

Bagaimanapun, bahan mentah lain seperti ikan, daging dan ayam masih mudah diperoleh dan harganya juga masih stabil.

Bagaimanapun, Omar berkata pihaknya akan terus membuat siasatan terperinci bagi mengenal pasti punca kenaikan sama ada disebabkan faktor bekalan terhad akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan kemarau.

Sementara itu, Omar turut menjelaskan terdapat kenaikan harga telur di negeri ini sejak pelaksanaan PKP.

Katanya, harga barangan itu naik berikutan pertambahan pembelian yang tinggi daripada pengguna.

“Pembekal menghantar stok dalam jumlah sama untuk tempoh waktu tertentu, namun berikutan permintaan tinggi pelanggan, pembekal perlu menambah bekalan wujud persaingan yang memberi kesan kepada harga telur.

“Harga telur naik dalam kadar berbeza mengikut peruncit, cuma sekarang kita nasihatkan pengguna agar tidak membuat pembelian panik kerana ia boleh memberi kesan kepada harga barang,” katanya.

Sementara itu, Peniaga, Khairul Nizam Othman, 40, berkata harga ikan masih stabil terutama ikan pelaling dijual pada harga RM3 sekilogram berikutan bekalannya masih banyak.

“Cuma kami berisiko dijangkiti wabak penyakit berikutan terlalu ramai pelanggan yang datang ke pasar sehingga jarak satu meter sukar dikawal.

Pengerusi Pasar Besar Alor Setar, Mohd Fauzi Sharip, 60, berkata penularan wabak COVID-19 menyebabkan hanya 60 peratus daripada 400 peniaga di pasar itu beroperasi.

Katanya, keadaan itu dikatakan berpunca daripada kekurangan bekalan selain terdapat juga peniaga yang tidak mahu menanggung risiko dijangkiti virus berkenaan.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/669862/siasat-kenaikan-harga-barang>